

**Presiden Persatuan Wartawan Sabah Dipilih Calon BN PRU13
Bernama
18 April, 2013**

PENAMPANG, 18 April (Bernama) -- Presiden Persatuan Wartawan Sabah (SJA) Datuk Joniston Bangkuai dipilih mewakili Barisan Nasional (BN) untuk bertanding kerusi Dewan undangan Negeri (DUN) Kiulu pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) bulan depan. Joniston, 51, Editor Wilayah New Straits Times Sabah dan Sarawak dan pernah menjadi wartawan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dan Sabah Times pada awal 1980-an, merupakan antara empat calon muka baharu yang diketengahkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS). Naib Ketua PBS Bahagian Kiulu itu menggantikan Datuk Louis Rampas yang memberi laluan kepada tokoh muda berkenaan, sejajar dengan wawasan parti itu untuk meremajakan barisan kepimpinan PBS. Tiga lagi muka baharu ialah ahli perniagaan Joseph Paulus Lantip di DUN Inanam, bekas pendidik Datuk Mary Yap Kain Ching yang bertanding di Parlimen Tawau dan Pemimpin Kemajuan Rakyat Fung Len Fui, bertanding kerusi DUN Sri Tanjong yang dimenangi DAP pada pilihan raya lepas. Upacara penyerahan surat watak sebagai calon BN disempurnakan oleh Presiden PBS Tan Sri Pairin Kitingan Pairin di ibu pejabat parti itu, di sini Khamis. Bercakap kepada pemberita kemudian, Joniston, wartawan pertama yang masih berkhidmat di negara ini yang dipilih sebagai calon, berazam meneruskan perjuangan membela nasib rakyat dan menjayakan agenda pembangunan transformasi negara, khususnya di Kiulu. Beliau tidak menyangka dipilih sebagai calon, dan menyifatkannya sebagai satu amanah dan tanggungjawab berat untuk digalas bagi meneruskan perjuangan seiring wawasan negara. "Saya amat berterima kasih kepada presiden PBS dan pucuk pimpinan BN yang memberi peluang bertanding atas tiket BN mewakili PBS Kiulu pada pilihan raya kali ini. Bagi saya, ini bukan kebanggaan kepada saya dan ini merupakan hadiah paling berharga untuk hari jadi saya," katanya. Anak jati Kiulu yang baru meraikan ulang tahun kelahirannya semalam (17 April), berkata beliau akan meneruskan agenda pembangunan di Kiulu yang telah mempunyai landasan kukuh sejajar transformasi yang diperjuangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman. Beliau yakin menerusi kerjasama dan sokongan kuat daripada pemimpin dan penyokong BN Kiulu, parti mampu mempertahankan kerusi berkenaan.

"Saya yakin kita akan mencapai kemenangan besar pada pilihan raya kali ini kerana apa yang penting kita menggunakan kelebihan sebagai wakil kepada rakyat dan dapat mencari jalan untuk berkhidmat kepada rakyat sebaik mungkin," kata Joniston yang juga Protem Presiden Persatuan Media dan Komunikator (BEMCA) BIMP-EAGA. Sementara itu, Joseph, 54, yang dinamakan sebagai calon DUN Inanam bertekad untuk membangunkan kawasan itu dengan jenama tersendiri bagi memastikannya seiring dengan tahap pembangunan yang dinikmati di bandar-bandar lain. "Saya akan berusaha untuk mengurus kawasan Inanam dan menyambung apa yang ditinggalkan pemimpin terdahulu kerana saya nampak kecenderungan untuk melipat gandakan pembangunan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai wakil rakyat," katanya yang pernah menolak untuk menjadi calon pada pilihan raya lepas. Joseph yang aktif berpolitik sejak penubuhan PBS pada 1985 itu, berkata sekiranya dipilih rakyat kelak, beliau akan berusaha untuk berkhidmat sebagai wakil rakyat terbaik memandangkan peluang yang diberikan itu bukan suatu yang senang untuk dipikul. "Saya akan cuba mencari segala inti pati (masalah) dan idaman rakyat selama ini yang belum dilaksanakan dan sedang dilaksana pemimpin terdahulu, bahkan usaha harus dilipat ganda dengan mencari jalan berlainan untuk pembangunan matang di Inanam seperti bandar raya lain," katanya. Joseph yang dijangka menghadapi tentangan timbalan presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Eric Majimbun berharap semua penyokong BN bersatu-padu dan menumpukan sepenuhnya kepada usaha untuk memantapkan jentera pilihan raya sekali, gus memastikan Inanam terus berada dalam genggamannya BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943222>